

TARIKH	20 / 5 / 2015	SEKSYEN	Muka Depan
MUKA SURAT		RUANGAN	

SERANGAN TERHADAP TABUNG HAJI

ISMEE PERTAHANAN TH

// CEO TH, TAN SRI ISMEE ISMAIL PERJELAS PEMBELIAN TANAH DARIPADA 1MDB BUKAN USAHA MENYELAMAT, TRANSAKSI ADALAH SITUASI 'MENANG-MENANG'

// SETIAP KEPUTUSAN PELABURAN TH, DIAUDIT JABATAN AUDIT NEGARA, DIBENTANGKAN DI PARLIMEN

// ADA URUSAN BISNES PERLU DIRAHSIAKAN DAN SENSITIF, NAMUN AMANAH PENDEPOSIT TETAP DIPELIHARA

// ISU WANG HILANG TIDAK TIMBUL KERANA SETIAP RINGGIT DEPOSIT DIJAMIN PENUH OLEH KERAJAAN



Ismee Ismail

• PENJELASAN PENUH RENCANA 28, 29, 30, 31

TARIKH	20 / 5 / 2015	SEKSYEN	Rencana
MUKA SURAT	28	RUANGAN	

ISMEE PERTAHAN TH

'Simpanan tak hilang'

Pencapaian Tabung Haji (TH) sebagai institusi kewangan Islam unggul seumpamanya di dunia amat membanggakan. Keunikan serta kemampuannya berperanan sebagai penerima deposit, pelabur dan pengurusan operasi haji mahu dijadikan contoh negara Islam lain, namun setakat ini tiada negara lain mampu menubuhkan institusi menyamainya.

Walaupun begitu serangan keterlaluan dan putar-belit pihak tertentu mengenai urusan pembelian sebidang tanah oleh TH daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB), seolah-olah menidakkan langsung sumbangan, pencapaian dan usaha TH memajukan umat Islam dan rakyat negara ini. Ia juga mencetuskan kebimbangan pendeposit, sehingga ada tanggapan tabungan mereka akan hilang. Ikuti temu bual wartawan BH, Kamarulzaidi Kamis, Mohd Zin Ali dan Shahrizan Sallian dengan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Tan Sri Ismee Ismail dalam menjelaskan perkara berkenaan.

Keuntungan TH
sejak 10 tahun
lalu cecah
RM15 bilion



SOALAN (S): Boleh Tan Sri berikan sedikit latar belakang mengenai saiz dana, jumlah pendeposit TH setakat ini dan bagaimana itu diuruskan serta pencapaian TH?

Ismee: Ketika saya memulakan tugas di TH ini, dana pendeposit adalah RM13.3 bilion pada 1 Januari 2006. Daripada tahun 2006 hingga kini, dalam tempoh 10 tahun dana TH sudah meningkat kepada RM57 bilion dan jumlah tabungan itu dibuat oleh 8.6 juta pendeposit ketika ini. Dana itu disimpan, berasaskan konsep Wadiah Yad Dhamanah atau simpanan yang dijamin, dengan TH sebagai 'custodian' atau penjaga amanah, jadi kita akan berniaga dan melaburkan dana berkenaan di dalam beberapa sektor. Dari situlah (pelaburan dan perniagaan) datangnya keuntungan dan pulangan yang dibayar kepada pendeposit dalam bentuk bonus. Dalam 10 tahun ini Alhamdulillah, ia berkembang. Seperti dinyatakan pada tahun 2006 saiz dana hanya RM13.3 bilion, kini meningkat kepada RM57 bilion. Keuntungan TH sejak 10 tahun lalu juga mencecah RM15 bilion. Itulah nilai tambahan yang kami berikan kepada tabungan pendeposit TH. Peningkatan kira-kira RM43 bilion tabungan, RM15 bilion daripadanya adalah daripada keuntungan pelaburan dan perniagaan TH. Ru-

musannya, RM28 bilion adalah pertambahan deposit di dalam TH.

S: Menyentuh kontroversi pembelian sebidang tanah oleh TH daripada 1MDB baru-baru ini. Ia menimbulkan pelbagai tanggapan negatif terhadap TH, sehingga ada mengatakan duit deposit mereka akan hilang, apa komen Tan Sri?

Ismee: Boleh saya katakan, selama 10 tahun di TH, ini adalah saat paling mencabar bagi saya sebagai CEO dengan perkembangan serta perkara yang sedang berlaku. Bagaimanapun, dalam sesi temu bual ini saya tidak akan menyentuh isu berkenaan, kerana ia sedang dalam siasatan pihak berkuasa, jadi kita tak mahu sentuh perkara itu dan saya juga adalah pihak yang berkecuali dalam transaksi itu. Tapi apa yang nak saya sampaikan di luar sana, mengenai TH keseluruhannya

© Rencana 29

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
omunikasi Korporat Kumpulan TH

TARIKH	20 / 5 / 2015	SEKSYEN	Rencana
MUKA SURAT	29	RUANGAN	

Kerajaan jamin simpanan haji selamat

© Dari Rencana 28

kerana perkembangan yang dilihat sepanjang minggu lalu, semua maklum ada beberapa memorandum yang TH terima, jadi ada sentimen kecewa atau keyakinan pendeposit yang sedikit tergugat.

Jadi, oleh kerana ia menyentuh TH secara keseluruhan, saya terpacu mempertahankan TH. Saya menyeru kepada semua pendeposit TH, mereka tidak perlu risau. Pertama, simpanan di TH dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Ia tertulis dalam Akta Tabung Haji. Jadi, tidak patut timbul langsung isu (duit pendeposit akan hilang) itu.

Mudahnya, jika hendakkan kepastian, pergi sahaja ke mana-mana cawangan TH atau ATM bank perkhidmatan TH seperti Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank. Periksa baki simpanan. Insya-Allah ada, melainkan jika kita sendiri mengeluarkan wang itu.

S: Adakah berlaku sebarang pengeluaran yang dibuat secara drastik dalam kalangan pendeposit TH ketika ini?

Ismee: Sepanjang bulan ini (Mei), memang ada pengeluaran bersih (duit masuk tolak duit keluar), kira-kira RM50 juta. Kajian peringkat bulanan dari Januari hingga April lalu, purata simpanan TH adalah RM71 juta manakala wang keluar sebanyak RM49 juta. Namun, pada Mei, wang keluar lebih kurang kekal pada RM50 juta, tetapi purata wang masuk berkurangan kepada RM40 juta. Jadi ada pengeluaran bersih kerana purata duit masuk pada Mei hanya RM40 juta.

Sementara itu, ada juga yang keluaran simpanan kata mereka kecewa atau kurang keyakinan. Kita pantau, kita jujur dan tak nak kata tiada orang keluar bila isu baru-baru ini dibangkitkan. Bagi saya ia adalah hak pendeposit. Simpanan TH adalah sukarela tapi bagi saya tak perlu risau kerana ia dijamin oleh kerajaan.

S: Ada yang mendakwa simpanan mereka akan rugi?

Ismee: Tiada kerugian, kerana saya berpegang kepada dua prinsip dan sering berpesan kepada kakitangan TH supaya memegang kepada prinsip berkenaan. Jika kita berpegang kepada prinsip terbahit, insya-Allah TH akan sentiasa berada pada landasan betul. Pertama, kita lindungi dan pelihara nilai pokok pendeposit. Ini bermakna, bagi setiap

seringgat disimpan, maka seringgitlah sekurang-kurangnya nilai pendeposit. Yang keduanya, semua aktiviti dan pelaburan TH adalah berlandaskan syariah. Saya berpesan kepada semua kakitangan, jika kita berpegang kepada dua prinsip itu, insya-Allah tidak akan tersasar daripada landasan sepatutnya. Jadi, jika ada pelbagai cerita timbul di media sosial, kadang-kadang kami pada pihak pengurusan berasa berkecil hati sedikit. Itu biasalah, cabaran jika kita hendak melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Pada saya, seluruh pasukan TH sepanjang sembilan tahun lalu telah melaksanakan dan membuat yang terbaik. Ini termasuklah perkara pengurusan haji hinggalah perkhidmatan di cawangan dan aktiviti pelaburan TH. Ini terbukti bila kita dapat lihat dengan jelas dari sudut kecemerlangan pengurusan haji. Bukan sahaja TH mendapat pujian jemaah haji Malaysia, bahkan kita dicemburui jemaah haji negara lain. Kita dijadikan sebagai model oleh negara lain. Mereka kagum dengan hemah jemaah haji kita dan cara TH mengendalikan pengurusan haji. Dari segi perniagaan, dalam bahagian pelaburan Alhamdulillah buktinya adalah pulangan yang kita berikan kepada pendeposit TH. Tahun lalu, kita membayar 6.25 peratus dan tambahan dua peratus bonus haji. Ini adalah dua petanda atau dijadikan KPI saya sebagai CEO TH. Jika kedua-dua perkara ini setiap tahun dapat dilaksanakan dengan baik, maka TH telah berjaya pada tahun berkenaan.

S: Adakah cara lain bagi jemaah Malaysia untuk menunaikan haji selain daripada TH?

Ismee: Caranya ada banyak. Adakah perkhidmatan itu sama dengan di beri oleh TH. Sebagai contoh, kami adalah sangat komprehensif. Dari A hinggalah Z. Daripada proses tabung menyimpan duit hendak menunaikan haji hinggalah menghantar air zamzam ke rumah jemaah haji. Di antaranya kami ada penerbangan, penginapan, perubatan, visa haji, semua proses kami buat. Kos ini tidak termasuk di dalam kos langsung. Yang kami caj jemaah itu adalah kos langsung. Seperti kos kursus haji, kami tidak masukkan ke dalam caj. Itu semua di bawah tanggungan TH. Kos petugas haji, perubatan semua kami serap. Yang kami caj kos penginapan, kos tambang, makan, operasi mayyair ketika wukuf, iaitu khemah di Arafah, Mina dan perjalanan darat. Itu sahaja yang kami caj jemaah haji.

INFO

Subsidi Haji sejak tahun 2009

Tahun	Jumlah Subsidi Haji	Kos Sebenar Haji	Subsidi Seorang Jemaah
2009	RM54 juta	RM12,660	RM2,680
2010	RM65 juta	RM13,040	RM3,060
2011	RM105 juta	RM14,340	RM4,360
2012	RM104 juta	RM14,880	RM4,900
2013	RM93 juta	RM15,555	RM5,575
2014	RM106 juta	RM16,155	RM6,175
2015	RM120 juta	RM17,270	RM7,290

*2013-2015 Jumlah Jemaah Haji adalah seramai 22,320 berbanding kuota (28 ribu) yang dikurangkan 20%.

S: Jika dikira semua kos itu, berapakah yang dibayar?

Ismee: Anggaran saya, kos tidak langsung sekarang dalam RM1,500 hingga RM2,000 bagi seorang jemaah. Lima atau enam tahun dahulu RM1,000 lebih sedikit sahaja. Kos keseluruhan, iaitu langsung, tidak langsung dan subsidi haji mungkin hampir kepada RM19,000. Saya tidak terkejut jika ia mungkin lebih. Ubat-ubatan semua percuma. Jadi, sekurang-kurangnya RM19,000. Sekarang jemaah hanya perlu membayar RM9,980 untuk 44 malam.

S: Jadi kos tambahan ditanggung oleh TH?

Ismee: Ya, hasil daripada keuntungan pelaburan TH. Itu yang membuatkan kami mampu memberi subsidi. Jumlah jemaah yang sudah dihantar sejak saya mengambil alih kepimpinan TH, secara purata setahun lebih kurang 27,000 orang.

S: Adakah jumlah subsidi meningkat setiap tahun?

Ismee: Subsidi meningkat, setiap tahun. Subsidi ini daripada hasil keuntungan pelaburan dan perniagaan TH. Tahun 2009, subsidi seorang jemaah haji RM2,700. Tahun ini, kami jangka dalam RM7,300. Bayaran haji tidak dinaikkan sejak tahun 2009. Hampir masuk tujuh musim haji, namun perkhidmatan diberikan semakin bertambah baik. Sampai ada yang kata lebih baik pergi menggunakan muassasah daripada pakej tertentu, sebab muassasah lebih selesa. Jadi, pende-

posit tidak perlu risau.

S: Adakah TH berdepan tekanan untuk menampung kos menunaikan haji yang semakin meningkat?

Ismee: Tidak menjadi masalah. Pada saya, selain daripada yang jelas daripada keuntungan dijana, saya percaya keberkatan itu besar. Keberkatan daripada tanggungjawab TH menguruskan jemaah haji. Saya yakin antara kejayaan TH adalah doa jemaah haji. Saya selalu berkat kepada jemaah, tidak perlu doa yang susah-susah. Doakan TH sahaja. Saya percaya itu adalah antara kunci kejayaan kita. Subsidi ini pada saya harus berterusan. Kalau kos sebenar yang TH tanggung untuk dicaj kepada jemaah, maka secara teknikalnya tiada manfaat untuk TH ini diwujudkan.

Maka, subsidi itu perlu ada, cuma isunya berapa banyak. Adakah sebarang daripada kos menunaikan haji, atau 20 peratus sahaja. Itu adalah perkara yang perlu kami olah. Buat masa ini, saya kira TH belum mendapat formula terbaik kerana antaranya aktiviti yang berlaku di Makkah sendiri. Pasaran harga hartanah di sana, caj hotelnya sejak empat atau lima tahun lalu adalah sangat tidak menentu. Kami tidak boleh jangkakan seberapa banyak peningkatannya. Sejak saya di TH dari tahun 2006, seingat saya Makkah memulakan projek merobohkan bangunan selepas musim haji 2007. Sejak itu, tidak pernah lagi

“**Simpanan di TH dijamin sepenuhnya oleh kerajaan. Ia tertulis dalam Akta Tabung Haji. Jadi, tidak patut timbul langsung isu (duit pendeposit akan hilang) itu”**

© Rencana 30

TARIKH	20 / 5 / 2015	SEKSYEN	Rencong
MUKA SURAT	30	RUANGAN	

Sokongan kerajaan mampu wujud situasi menang-menang

© Dari muka 29

“
Yang lebih mustahak, jika ada transaksi ia membentuk situasi ‘menang-menang’ kepada kedua-dua belah pihak. Kepada pembeli dan penjual. Jika penjual menang, pembeli menang, bagaimana ia boleh dikatakan ‘bailout’? Pada saya ‘bailout’ ini jika sebelah pihak menang, sebelah pihak kurang menang”

tidak ada benda yang dirobah. Sejak itu, harga hartanah di Makkah, meningkat dengan stabil. Isunya berapa banyak kenaikan itu, sampai banyak pemilik hotel tidak berapa gemar mengikat jangka masa panjang dengan TH. Malah ada satu hotel, saya berjumpa pada musim haji tahun lalu untuk membincangkan mengenai musim haji tahun ini, dia kata tunggu dahulu (selepas musim haji 2014 berakhir). Sampai begitu sekali. Sebab dia kata tidak tahu apa yang akan berlaku selepas musim haji. Sebenarnya dia tahu harga akan naik, cuma tidak tahu berapa banyak. Apabila keadaan di sana stabil, maka barulah kita boleh fikirkan berapakah jumlah yang boleh kami tanggung untuk jemaah haji.

S: Tadi Tan Sri sebut model yang diamalkan TH cuba ditiru atau diguna pakai di negara lain, adakah ia berjaya?

Ismee: Ada, banyak wakil negara lain yang datang berjumpa saya. Antaranya negara jiran kita, minta bantuan. Pada saya, yang mustahak, jika tiada komitmen daripada kerajaan mereka untuk menubuhkan organisasi seperti TH, ia tidak akan berlaku. Kami di TH yakin, kedudukan sekarang adalah daripada sokongan kerajaan. Perlu ada kezamaman politik untuk mana-mana negara menubuhkan organisasi seperti TH. TH satu institusi unik, yang mempunyai dua aktiviti berlawanan langsung, iaitu haji dan pelaburan. Ketika saya berada di United Kingdom tahun lalu, bila

saya memberi taklimat mengenai TH, mereka kagum. Mereka ingatkan TH hanya hantar orang ke Makkah, tetapi bila saya jelaskan aktiviti dilaksanakan seperti anak syarikat, mereka kagum dan sejak itu setiap kali kami ke sana atau delegasi perniagaan mereka datang ke sini, TH menjadi antara agenda lawatan. Saya pernah dimaklumkan, satu daripada program di Universiti Oxford, mereka menjadikan TH sebagai kajian kes disebabkan keunikan operasi perniagaan kami dengan pengurusan haji. Bagaimana ia melengkap satu sama lain, dan ia dihubungkan melalui subsidi haji. Disebabkan itulah, subsidi haji tidak boleh dipisahkan. Daripada keuntungan perniagaan inilah dapat menampung semua infrastruktur untuk menguruskan jemaah haji. Jika tiada keuntungan, kami tidak akan mampu.

S: TH ada dana yang besar, sama seperti agensi pelaburan syarikat berkaitan kerajaan yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) lain yang mempunyai dana bersaiz besar. Institusi sebegini sering didakwa menyelamatkan atau ‘bail out’ aset atau perniagaan berkaitan kerajaan jika berdepan masalah? Apa komen Tan Sri mengenai perkara ini?

Ismee: Umumnya, ‘bailout’ ini adalah jika kita memberi. Seperti kita berjumpa pengemis di tepi jalan dan kita ada sebungkus nasi lemak, maka saya berikan kepadanya, maka itu adalah ‘bailout’. Namun, jika dia membayar harga nasi lemak itu kepada saya, itu bukanlah ‘bailout’. Ia sesuatu yang boleh dihujahkan, saya tidak mahu mengatakan kum-

pulan ini betul, yang itu salah. Istilah ini saya rasakan justifikasinya boleh dihujahkan. Yang lebih mustahak, jika ada transaksi ia membentuk situasi ‘menang-menang’ kepada kedua-dua belah pihak. Kepada pembeli dan penjual. Jika penjual menang, pembeli menang, bagaimana ia boleh dikatakan ‘bailout’. Pada saya ‘bailout’ ini jika sebelah pihak menang, sebelah pihak kurang menang.

S: Ada pihak menggesa TH kembali kepada objektif asalnya, ia itu membolehkan orang Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan haji atau lain-lain perbelanjaan bermanfaat?

Ismee: Ada orang kata, TH perlu balik kepada objektif asal penubuhan TH, supaya penduduk Islam Malaysia dapat melabur sedikit demi sedikit untuk menunaikan haji. Itu yang pertama. Yang kedua, supaya TH dapat menggembungkan dana berkenaan dalam sektor ekonomi. Orang selalu ingat yang pertama itu sahaja. Yang kedua itu, orang tidak ingat. Kami boleh mengumpul simpanan dalam peti besi. Itu satu konsep juga, bagi saya. Namun, kena difikirkan adakah kita mampu beri dividen 6.25 peratus, 6.0 peratus, 5.0 peratus? Adakah kami mampu memberikan subsidi haji? Sebagai contoh, jika TH mengambil wang pendeposit, letak di dalam bank. Formulanya mudah sahaja, bank beri 2.75 peratus, itu antara konsep yang boleh difikirkan juga. Begitupun, ia lebih daripada itu. Kami mempunyai peluang, untuk mengumpulkan dana orang Islam di Malaysia supaya da-

pat berkecimpung dalam sektor ekonomi, baik di dalam negara atau luar negara. Itu mustahak. Kita sebagai individu tidak mampu membeli bangunan, tetapi duit terkumpul dalam TH menjadikan kita mampu. Sebab itulah kita boleh membeli bangunan di sini dan di luar negara. Kita boleh memajak jangka panjang di Arab Saudi, sebab kita satukan dana berkenaan.

Satu lagi perkara ialah simpanan di TH adalah sukarela. Ia bukan seperti sesetengah dana yang memerlukan simpanan mandatori. Maknanya, jika hendak pergi menunaikan haji, sama ada hendak melabur dalam TH adalah hak pendeposit. Bila ia mandatori, apakah perbandingannya dengan simpanan di TH? Siapa perbandingan dengan TH? Tak boleh dibanding TH dengan contohnya KWSP atau mana-mana dana lain. TH ini unik, yang paling dekat perbandingan TH adalah simpanan di mana-mana institusi perbankan Islam. Itu lah persamaan paling dekat boleh dibuat. Jika kita hendak menyimpan duit, kita buat perbandingan dengan mana-mana institusi perbankan lain. Perbandingan dari segi risikonya, pulangnya dan sebagainya. Di TH tiada had masa. Maksudnya, jika simpan seminggu, jika pembayaran bonus kami kira tempoh itu. Tidak semestinya setahun baru kira, tiada had masa dan had nilai. Nak letak RM10, RM10,000, berjuta ke, tiada had.

S: Ada yang menyuarakan TH supaya lebih telus sebelum membuat keputusan pelaburan dengan memaklumkan kepada pendeposit?

Ismee: Sebenarnya kita agak telus. Jika kaji betul-betul, proses pelaburan kita melalui beberapa peringkat, daripada peringkat menerima sebarang cadangan pelaburan, ia akan dikaji jabatan berkaitan sebelum dibawa ke peringkat pengurusan dan kemudian dibawa ke peringkat panel pelaburan. Bila dipersetujui, ia dibawa ke Lembaga Pengarah dan kemudian baru mendapatkan kelulusan menteri. Proses ini agak rumit. Akhirnya akaun TH akan diaudit Jabatan Audit Negara dan kemudian dibentangkan di Parlimen. Ini adalah proses dalam TH, isu telus tak telus tak sepatutnya timbul. Mungkin mereka maksudkan, setiap kali nak labur,

© Rencana 31



TARIKH	20 / 5 / 2015	SEKSYEN	Rencana
MUKA SURAT	31	RUANGAN	

Pelaburan ikut empat aset strategik

© Dari Rencana 30

TH kena maklum dan minta pandangan pendeposit, jadi bagaimana TH hendak bergerak. Kadang-kadang dalam bisnes juga ada rahsia dagang dan perkara sensitif. Tak semestinya perkara yang dirahsiakan, ia benda tidak baik, kadang-kadang perkara baik pun kita perlu berahsia. Saya selalu pesan anggota saya, kita ini pemegang amanah kepada pendeposit. Jika kita jaga amanah dengan baik, kita akan dapat ganjaran, upah dan bahagian kita pun ada. Ia selalu saya laungkan, ia konsep amanah... amat penting.


S: Mungkin ada pendeposit mendapat maklumat salah daripada pihak tertentu untuk mengelirukan, dengan isu berbangkit. Apa strategi TH untuk memberi penerangan supaya pendeposit tidak terpengaruh dan faham dengan usaha TH.

Ismee: Sesi bersama media adalah antara perancangan TH untuk memberi penjelasan. Keduanya, TH sekarang ini sedang hampir memasuki musim haji. Jadi, akan ada beberapa kursus haji. Kami akan minta bantuan untuk memberi penjelasan sedikit secara umum mengenai TH. Ketiganya, hujung minggu ini saya akan bersama-sama semua pengarah dan ketua cawangan, pengurus daerah di seluruh Malaysia untuk memberi penjelasan supaya mereka boleh menyampaikan maklumat tepat kepada pendeposit. Kami sedang mengatur program untuk memberikan penjelasan. Sebenarnya apa yang berlaku baru-baru ini membuatkan saya terkejut. Dalam TH tiada apa yang berubah. Melainkan jika berlaku rombakan pengurusan atau sebagainya atau ada kemasukan orang baharu. Adakah apa yang dilaksanakan sejak sembilan tahun lalu tiada makna langsung? Saya persoalan kepada diri saya sendiri apabila ada isu seolah-olah keyakinan tergugat, adakah apa yang kita laksanakan sejak saya dan rakan pengurusan di TH tiada makna langsung? Saya berasakan ini isu berkaitan emosi. Jika orang berada dalam keadaan emosional, anda letakkan logik bagaimana pun tidak akan berjaya.

S: Menyentuh mengenai pelaburan, langkah mencari instrumen kewangan berlandaskan syariah bukan sesuatu yang mudah. Bagaimanakah TH mengendalikan urusan berkenaan?

INFO

Graf Prestasi Kewangan TH 2001 Hingga 2014



Ismee: Memang antara cabaran di TH untuk mendapatkan pelaburan atau produk yang berlandaskan syariah. Mandat pelaburan TH adalah unik atau berlainan sedikit dengan mana-mana agensi pengurusan dana lain. Kita fokus kepada pelaburan berlandaskan syariah. Jika dilihat dalam sektor pasaran saham itu sendiri, contohnya dalam saham perbankan, banyak saham kita tidak boleh beli. Kebanyakannya dianggap sebagai bukan patuh syariah. Begitu juga hartanah, kita ada kekangan berkaitan pemilihan hartanah baik di dalam atau luar negara. Sebab itu, kita lihat TH tidak mempunyai pelaburan hartanah dalam sektor peruncitan. Kebanyakannya ruang pejabat. Malah, kita juga melihat kepada penyewa yang perniagaannya patuh syariah.

Peruncitan ini maklumlah, jika ada restoran, kadang-kadang ia menjual benda yang tidak sesuai dengan aktiviti di TH. Kita ada kekangan sedemikian, jadi itu yang berterusan selalunya menjadi cabaran kepada Jabatan Pelaburan TH untuk meneliti sehalus-halusnya setiap tawaran pelaburan diterima. Walaupun pasaran pelaburan berlandaskan syariah ini berkembang luas, kita masih mempunyai cabaran untuk menerima pelaburan yang memberikan pulangan baik kepada TH. Alhamdulillah, dengan pengalaman Jabatan Pelaburan TH, kita dapat membuat pelaburan berlandaskan syariah dan sedikit demi sedikit TH juga meninjau peluang pelaburan di luar negara yang berlandaskan syariah.

S: Apakah strategi pelaburan TH mengikut sektor dan peratusan diperuntukkan bagi setiap sektor berkenaan?

Ismee: Secara mudahnya, kami membahagikan pelaburan kepada empat bahagian utama yang dipanggil peruntukan aset strategik. Kami menentukan peruntukan aset berdasarkan risiko dan pulangan diunjurkan. Secara amnya, ada empat bahagian. Pertama, pelaburan dalam saham sama ada senaraian awam atau tidak tersenarai. Ini 50 peratus daripada keseluruhan jumlah dana berjumlah RM57 bilion. Kedua, adalah pendapatan tetap contohnya sekuriti pendapatan tetap seperti sukuk. Ini 20 peratus. Hartanah 20 peratus. 10 peratus lagi tunai dan lain-lain. Itulah empat kategori umum pelaburan dalam TH. Jika kita tumpukan kepada sektor hartanah, setakat ini, 20 peratus daripada keseluruhan dana TH yang berjumlah RM57 bilion, adalah sekitar RM11.4 bilion. Kami sudah menggunakan lebih sedikit daripada separuh peruntukan dalam sektor berkenaan. Jadi TH masih mempunyai banyak peluang melabur dalam sektor hartanah. Baru-baru ini, Kementerian Kewangan ada mengeluarkan pekililing bahawa semua agensi dana kerajaan supaya melabur dalam sektor domestik. Kami akur dan akan memfokuskan pelaburan dalam sektor hartanah di dalam negara. Kami sedang giat berusaha untuk berkecimpung dalam sektor hartanah dalam negara. TH masih mempunyai separuh perun-

tukan yang boleh dilabur atau diniajukan.

S: Pada masa depan TH akan membuat permohonan membeli hartanah secara terus daripada kerajaan?

Ismee: Kami sentiasa aktif menemorka peluang baharu dalam hartanah. Kami mempunyai anak syarikat, TH Properties yang mana ia terbabit dalam kerja pembangunan. Projek terbesar adalah pembangunan di Enstek, Negeri Sembilan. Mereka juga sedang melaksanakan beberapa projek seperti Kompleks Haji di KLIA dan Kompleks Islam di Putrajaya. Kompleks Islam itu adalah projek yang kami laksana bersama kerajaan, yang mana kami bina untuk jabatan dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

S: Akhir sekali, apakah nasihat yang ingin Tan Sri sampaikan kepada pendeposit?

Ismee: Saya minta semua bertenang dan jika hendak betul-betul yakin, pergi ke mana-mana cawangan TH, bawa buku dan kemas kini buku. Jika ada yang memiliki kad TH, boleh ke ATM Bank Rakyat, Bank Islam dan Maybank. Semak baki, insya-Allah mungkin bagi setengah orang, bila dia semak, baru akan percaya. Saya lihat dalam media sosial, banyak cerita tidak betul. Saya minta semua pendeposit tak usah risau kerana simpanan TH dijamin kerajaan dan kami sentiasa peka dan sensitif dengan kehendak pendeposit.

“Proses pelaburan kita melalui beberapa peringkat, daripada menerima cadangan pelaburan, ia dikaji jabatan berkaitan sebelum ke peringkat pengurusan dan kemudian ke peringkat panel pelaburan. Bila dipersetujui, ke Lembaga Pengarah dan kemudian baru dapat kelulusan menteri. Akhirnya akan TH akan diaudit Jabatan Audit Negara dan kemudian dibentang di Parlimen”